

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
(RANTAU PANJANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik jumlah terkini kutipan hasil cukai dari negeri Kelantan termasuk kutipan cukai GST, kutipan cukai pendapatan, kutipan cukai kenderaan serta pendapatan sumber petroleum dari perairan Kelantan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Jumlah kutipan hasil kasar cukai yang dikutip di negeri Kelantan pada tahun 2017 adalah sebanyak RM801 juta. Daripada jumlah tersebut, hasil cukai langsung yang dipungut oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri adalah sebanyak RM426 juta, manakala hasil cukai

tidak langsung yang dikutip oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia adalah sebanyak RM375 juta. Bagi hasil cukai barang dan perkhidmatan (GST) pula, jumlah hasil yang telah dikutip adalah sebanyak RM294 juta daripada jumlah keseluruhan cukai tidak langsung.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kutipan hasil cukai pendapatan tidak menggambarkan pendapatan tersebut dihasilkan dari negeri yang berkenaan. Ini kerana kutipan cukai dibuat berdasarkan alamat pembayar cukai yang terdapat dalam rekod Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Misalnya terdapat syarikat yang beroperasi di sesebuah negeri tetapi membayar cukai di Kuala Lumpur atau di tempat lain kerana ibu pejabat berada di sana. Selain itu, mengenai pendapatan sumber petroleum dari perairan Kelantan, sehingga kini tiada aktiviti pengeluaran petroleum di dalam perairan Negeri Kelantan iaitu dalam lingkungan 3 batu nautika dari pesisiran pantai Negeri Kelantan.